

Mesej Lima

Mengenali Persekutuan Penderitaan Kristus dan Dikonform kepada Kematian-Nya

Bacaan Bible: Flp. 3:7-10; Yoh. 11:25; Ef. 1:19-20; Kol. 1:24

I. Paulus beraspirasi untuk mengenali persekutuan penderitaan Kristus—Flp. 3:10:

- A. Bagi Kristus, penderitaan dan kematian datang terlebih dahulu, disusuli kebangkitan; bagi kita pula, kudrat kebangkitan-Nya datang terlebih dahulu, disusuli berbahagian dalam penderitaan-Nya dan dikonform kepada kematian-Nya—ay. 10.
 - B. Mula-mula kita menerima kudrat kebangkitan-Nya; kemudian melalui kudrat ini, kita dapat berbahagian dalam penderitaan-Nya, menjalani kehidupan tersalib, dan dikonform kepada kematian-Nya.
 - C. Penderitaan Kristus terdiri daripada dua kategori: pertama, untuk menyempurnakan penebusan; ini telah dilengkapi Kristus sendiri; kedua, untuk menghasilkan dan membina gereja; ini perlu dipenuhi para dutus dan percayawan—Kol. 1:24:
 1. Kita tidak dapat berbahagian dalam penderitaan Kristus untuk penebusan, tetapi kita harus berbahagian dalam penderitaan Kristus demi menghasilkan dan membina Tubuh—bd. Wahi 1:9; 2 Tim. 2:10; 2 Kor. 1:5-6; 4:12; 6:8-11.
 2. Kristus sebagai Anak Domba Tuhan menderita untuk penebusan (Yoh. 1:29); Kristus sebagai biji gandum menderita untuk penghasilan dan pembinaan (12:24):
 - a. Tuan sebagai biji gandum yang jatuh ke dalam tanah, kehilangan hayat-sukma-Nya menerusi kematian supaya Dia dapat membebaskan hayat abadi-Nya dalam kebangkitan kepada banyak biji—10:11, 15, 17-18.
 - b. Satu biji gandum itu tidak melengkapai semua penderitaan yang diperlukan untuk pembinaan Tubuh; sebagai biji yang banyak, kita harus menderita sama seperti satu biji gandum itu—12:24-26:
 - 1) Sebagai biji yang banyak, kita juga harus kehilangan hayat-sukma menerusi kematian supaya kita dapat menikmati hayat abadi dalam kebangkitan—ay. 25.
 - 2) Inilah cara mengikut Tuan agar kita dapat melayan-Nya dan bergerak hidup bersama dengan-Nya dalam jalan ini, iaitu jalan kehilangan hayat-sukma kita dan hidup dalam kebangkitan-Nya—ay. 26.
 - 3) Jalan untuk gereja dihasilkan dan bertambah bukan melalui kemuliaan manusia, tetapi melalui kematian salib—ay. 20-24.
- D. Terdapat perbezaan antara penderitaan untuk transformasi kita dengan penderitaan untuk Tubuh—2 Kor. 3:18; Flp. 3:10; Kol. 1:24:
 1. Kata-kata Paulus dalam Filipi 3:10 bukan merujuk kepada penderitaan untuk transformasi.
 2. Jika kita membandingkan 3:10 dengan Kolose 1:24, kita akan melihat bahawa penderitaan yang dibicarakan oleh Paulus dalam Filipi 3:10 ialah penderitaan yang memenuhi kekurangan daripada kesengsaraan Kristus bagi Tubuh.
 3. Dalam Kolose 1:24, Paulus menganggap penderitaannya sendiri sebagai memenuhi kekurangan daripada kesengsaraan Kristus bagi Tubuh-Nya.
 4. Penderitaan Kristus bagi Tubuh-Nya masih berlangsung, dan kita perlu berbahagian dalamnya—Flp. 3:10; bd. Kis. 9:4-5.
 5. Apabila kita menderita untuk Tubuh, kita mengalami kudrat kebangkitan Kristus—Kol. 1:24; Flp. 3:10.

II. Dalam Filipi 3:10, Paulus berbicara tentang “dikonform kepada kematian-Nya”; ungkapan ini menunjukkan bahawa Paulus berhasrat untuk mengambil kematian Kristus sebagai acuan kehidupannya:

- A. Keunggulan pengetahuan terhadap Kristus, mengira segala sesuatu sebagai kerugian, beroleh Kristus, didapati berada dalam-Nya, mengenali-Nya, mengenali kudrat kebangkitan-Nya, dan mengenali persekutuan penderitaan-Nya, semuanya menghasilkan satu perkara—dikonform kepada kematian Kristus—ay. 7-10.
- B. Dikonform kepada kematian Kristus menunjukkan bahawa kematian-Nya ialah suatu acuan—ay. 10:
 - 1. Pusat Filipi 3 ialah perihal dikonform kepada acuan kematian Kristus—ay. 7, 9, 12-16.
 - 2. Kita telah diletakkan ke dalam acuan kematian ini, dan kini kita perlu dikonform kepada acuan ini—Gal. 2:20; Roma 6:3-5.
 - 3. Kudrat hayat kebangkitan Kristus dalam kita memimpin kita, membawa kita, menopang kita, dan meletakkan kita ke dalam acuan kematian Kristus—Yoh. 11:25; Ef. 1:19-20.
- C. Acuan kematian Kristus merujuk kepada pengalaman Kristus yang terus-menerus mematikan hayat insani-Nya agar Dia dapat berhidupkan hayat Tuhan—Yoh. 6:57a:
 - 1. Apabila Tuan Yesus berada di bumi, Dia menjalani kehidupan tersalib; dengan menjalani kehidupan tersalib, Dia hidup terhadap Tuhan dan berhidupkan-Nya—Gal. 2:20; 3:1; 5:24.
 - 2. Dia sentiasa mematikan hayat insani-Nya agar hayat divin dalam-Nya dapat mengalir keluar—Yoh. 10:10b-11, 17.
 - 3. Semasa Dia hidup, Dia juga sedang mati—mati terhadap ciptaan lama untuk berhidupkan hayat dalam ciptaan baru; inilah makna “kematian-Nya” dalam Filipi 3:10.
- D. Dikonform kepada kematian Kristus bererti mengambil kematian Kristus sebagai acuan kehidupan kita—ay. 10:
 - 1. Kematian Kristus ialah suatu acuan agar kita dikonform kepadanya, sama seperti adunan diletakkan ke dalam acuan kek dan dikonform menjadinya.
 - 2. Tuhan telah meletakkan kita ke dalam acuan kematian Kristus, dan hari demi hari Tuhan membentuk kita untuk mengkonform kita kepada kematian ini—Roma 6:3-4.
 - 3. Kehidupan kita harus dikonform kepada acuan ini—mati terhadap hayat insani kita untuk berhidupkan hayat divin—Gal. 2:20; 2 Kor. 4:10-11.
 - 4. Jika kita mematikan hayat alamiah kita, kita akan menyedari bahawa kita mempunyai satu lagi hayat, iaitu hayat divin, dalam kita; hayat ini akan dibebaskan, dengan itu dalam pengalaman kita akan dikonform kepada kematian Kristus—Yoh. 10:10b; 1 Yoh. 5:11-12.
 - 5. Dalam acuan kematian Kristus, manusia alamiah dibunuh, manusia lama disalibkan, dan diri dimansuhkan—2 Kor. 4:16; Roma 6:6; Mat. 16:24.
 - 6. Jika kita membenarkan sekitaran kita menekan kita ke dalam acuan ini, kehidupan harian kita akan dibentuk menjadi bentuk kematian Kristus—Roma 8:28-29.
- E. Satu-satunya jalan untuk memuliakan Tuhan ialah dikonform kepada kematian Kristus; semakin kita dikonform kepada kematian Kristus, semakin kita memuliakan Bapa—Yoh. 12:28; 13:31.